KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **14 OKTOBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN

TARIKH: 14/10/2024

M/SURAT: 5

# Loke belum terima sebarang writ saman

**Kuala Lumpur:** Menteri Pengangkutan, Anthony Loke belum menerima sebarang writ saman yang difailkan atas namanya membabitkan pengecualian penyasaran subsidi diesel bagi Sabah dan Sarawak.

Loke berkata, beliau hanya tahu namanya difailkan saman melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, kelmarin.

"Saya belum dimaklumkan lagi, saya pun dapat tahu melalui kenyataan Armizan semalam (kelmarin) iaitu terdapat empat orang disaman, tetapi setakat ini saya belum terima sebarang writ.

"Tetapi saya mengambil tanggungjawab sebagai menteri, kalau dia nak saman itu adalah hak dia dan kita akan berjumpa dia di mahkamah.

"Apa saya boleh buat? Kita hadapi sajalah," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Konvensyen Biasa Negeri DAP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024, semalam.

Kelmarin, Armizan mengesahkan pihaknya menerima writ saman berkaitan pengecualian penyasaran subsidi diesel bagi Sabah dan Sarawak sejak tiga minggu lalu dan akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Sebelum ini, pada 7 September lalu, dua lelaki memfailkan permohonan untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman susulan tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan tiga menteri Kabinet menyasarkan subsidi diesel dengan penetapan harga runcit RM3.35 untuk setiap liter, berbanding harga asal RM2.15, pada 10 Jun lalu.



Keratan akhbar BH, semalam.

Azhani Marlan @ Abd Halim, 47 dan Mohd Hatta Sanuri, 48, selaku pemohon pertama dan kedua, memfailkan semakan itu di Mahkamah Tinggi di sini menerusi Tetuan Mohaji, Hazury & Ismail.

Mereka menamakan Anwar yang juga Menteri Kewangan; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Armizan; Loke serta kerajaan masing-masing sebagai responden pertama hingga keenam.

Antara dimohon perisytiharan keputusan semua defendan adalah tidak rasional, tidak munasabah, tidak wajar, tidak logik, tidak adil serta tidak sah di sisi undang- undang.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN

TARIKH: 14/10/2024

M/SURAT: 9

# Program MADANI Rakyat Sayangi Sabah tawar pelbagai tarikan

**Kuala Lumpur:** Program MADANI Rakyat 2024 (PMR 2024) Sayangi Sabah diadakan di pekarangan Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu, Sabah bermula 18 hingga 20 Oktober ini, bakal menyediakan pelbagai tarikan kepada pengunjung bersesuaian dengan tema 'Meningkatkan Kesejahteraan Pengguna'.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) adalah Kementerian peneraju dan Kerajaan Negeri Sabah sebagai tuan rumah memilih tema itu untuk penggemblengan usaha semua pihak, iaitu kementerian, jabatan, badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta serta pentadbiran kerajaan negeri.

Penggemblengan usaha itu membantu rakyat menangani kos sara hidup dan usaha meningkatkan kesejahteraan pengguna secara berterusan menerusi penggubalan dasar, program, kempen, advokasi, tatakelola dan pelbagai inisiatif komprehensif secara praktikal.

PMR 2024 diluaskan ke peringkat negeri bagi memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk bersama-sama memahami, melihat dan menilai dasar serta inisiatif baharu dilaksanakan kerajaan dalam usaha meningkatkan martabat dan kesejahteraan hidup rakyat.

Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah memberi tumpuan kepada aktiviti berkaitan dengan kesejahteraan rakyat, perpaduan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pengangkutan awam bersepadu, pertanian dan keterjaminan makanan serta karnival kerjaya.

Ia turut membabitkan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan kecerdasan buatan (AI) serta pelbagai perkhidmatan disediakan agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri terus kepada rakyat.

## Bantu pengusaha tempatan

PMR 2024 turut membabitkan kolaborasi strategik bersama GLC, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta, manakala segmen Jualan MADANI menawarkan potongan harga dan tawaran istimewa serta pameran aset kerajaan.

Menariknya, KPDN membawakan jualan produk di bawah Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia (KBBM) yang membantu pengusaha tempatan memasarkan dan mempamerkan produk mereka kepada rakyat, sekali gus menarik minat orang ramai terhadap kempen berkenaan.

Lebih 85 usahawan akan mengambil bahagian, manakala antara barangan tempatan akan dijual secara terus kepada pengunjung ialah makanan, minuman, aksesori diri, produk kecantikan dan penjagaan diri, barangan keperluan rumah serta fesyen.

PMR 2024 kali ini turut mengetengahkan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM), iaitu produk KPDN paling dinantikan rakyat kerana penawaran barangan keperluan harian pada harga antara 10 peratus hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran semasa.

Objektif utama penganjuran PMR 2024 Sayangi Sabah adalah untuk menawarkan perkhidmatan kerajaan secara langsung kepada rakyat, menyebar luas dan mempromosikan dasar serta inisiatif baharu diperkenalkan Kerajaan MADANI, seterusnya meningkatkan pemahaman dan kesedaran umum terhadap hala tuju dan matlamat kerajaan.




Bagi mencapai objektif PMR2024, penganjur mengatur pelbagai program dan aktiviti tumpuan awam, iaitu reruai kementerian/PSUK negeri/agensi, program perkhidmatan *touchpoint* rakyat, perkhidmatan berkaitan kos sara hidup, perkhidmatan dan aktiviti berkaitan golongan belia, Usahawan Jualan MADANI, agensi dengan pameran aset kerajaan, majikan di Karnival Kerjaya, program lihat urus di pentas dan Konsert Sayangi Sabah.

Tidak ketinggalan, 20 aktiviti luar dijangka mendapat tumpuan umum, iaitu perkhidmatan bergerak diskaun saman PDRM, penukaran topi keledar Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Fun Run MADANI, Telco RAHMAH, pertandingan e-sukan, pentas selera Di Bawah Bayu serta perkhidmatan saringan kesihatan.

Maklumat lanjut boleh diperoleh menerusi portal Malaysia MADANI dan KPDN.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/10/2024
M/SURAT: 16




SEMUA peniaga yang beroperasi di sempadan Malaysia-Thailand melibatkan tiga daerah di negeri ini digalakkan untuk melakukan urus niaga tanpa tunai bermula bulan ini.

### Inisiatif ReDI Sempadan mampu tingkatkan ekonomi peniaga

# Buat urus niaga tanpa tunai

Oleh ROSLIZA MOHAMED

**KOTA BHARU** – Semua peniaga tempatan yang beroperasi di sempadan Malaysia-Thailand di sini digalakkan untuk melakukan urus niaga tanpa tunai bermula bulan ini menerusi Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) Sempadan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, inisiatif itu melibatkan tiga pintu masuk utama di negeri ini iaitu Bukit Bunga di Tanah Merah, Rantau Panjang di Pasir Mas dan Pengkalan Kubor di Tumpat.

Menurutnya, pelaksanaan ReDI Sempadan itu turut mendapat kerjasama kukuh daripada Ibu Pejabat KPDN dan pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM), Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) serta Majlis Daerah Tumpat (MDT).

"Program ini bertujuan meningkatkan ekonomi di kawasan sempadan melalui proses naik taraf transaksi tanpa tunai menerusi platform DuitNow QR.

"Kita menyasarkan kumpulan pelancong di kawasan sempadan Malaysia-Thailand menggunakan platfrom itu. Saya harap selepas ini lebih ramai lagi peniaga di kawasan sempadan berdaftar dengan e-wallet ReDI," katanya kepada pemberita selepas Majlis Makan Malam KPDN di sebuah hotel di sini kelmarin.

Azman memberitahu, setakat ini, seramai 171 peniaga telah mendaftar ReDI Sempadan.

Katanya, pada masa sama, KPDN bersama pihak PayNet di Sungai Golok, Thailand turut mengadakan sesi 'Technology Parmiliaristation'.

"Hal ini bertujuan melihat kaedah pembayaran tanpa tunai secara 'unbound' dan 'inbound' terutama di Pasar Malam Golok," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: ISNIN
TARIKH: 14/10/2024
M/SURAT: 16

# 171 peniaga sudah daftar ReDI Sempadan

**Kota Bharu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan memfokuskan lebih ramai peniaga di kawasan sempadan menyertai Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) yang bermula bulan ini.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, 171 peniaga di kawasan sempadan sudah berdaftar dalam program ReDI Sempadan ketika program Khamis lalu di sempadan Rantau Panjang, Bukit Bunga dan Pengkalan Kubor.

"Program yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk meningkatkan ekonomi di kawasan sempadan melalui penaiktarafan transaksi tanpa tunai iaitu DuitNow QR yang menyasarkan kumpulan pelancong di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

"Pada masa sama, inisiatif tanpa tunai ini juga salah satu usaha bagi menarik pelancong luar negara berbelanja secara tanpa tunai, seterusnya merancakkan ekonomi tempatan selari dengan agenda Tahun Melawat Kelantan 2024," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Makan Malam Penutup Program ReDI di sini, kelmarin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/10/2024
M/SURAT: 27

# KPDN Kelantan fokus peniaga sempadan urus niaga tanpa tunai

**KOTA BHARU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan memfokuskan peniaga-peniaga di sempadan Malaysia-Thailand menggunakan urus niaga tanpa tunai, DuitNow QR menerusi Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan Sempadan (ReDI Sempadan) bermula bulan ini.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, inisiatif pertama kali dilaksanakan di sempadan itu bertujuan meningkatkan ekonomi melibatkan kawasan pelancongan di Bukit Bunga, Rantau Panjang dan Pengkalan Kubur.

Menurutnya, setakat perlaksanaan ReDI Sempadan di ketiga-tiga lokasi berkenaan bermula Khamis lalu, berjaya menarik penyertaan 171 peniaga.

"Kita tumpu ReDI di kawasan sempadan kerana kebanyakan peniaga di situ masih kurang pengetahuan berkaitan teknologi.

"Perlaksanaan ReDI ini diharap dapat mencapai objektif mewujudkan masyarakat tanpa tunai dan mengurangkan jurang digital antara peniaga bandar dengan luar bandar," katanya kepada pemberita selepas Malam Penutup ReDI Sempadan, di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Pengarah Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan KPDN, Muhamad Hanif Asa'ari.

Azman berkata, sejak mula diperkenalkan pada 2022, ReDI merekodkan penyertaan 1,639 peniaga di negeri Kelantan yang menggunakan urus niaga tanpa tunai melibatkan pelbagai jenis perniagaan.

Katanya, program mengajak peniaga menyertai ReDI turut disertai wakil KPDN Putrajaya, KPDN Kelantan, Majlis Daerah Tanah Merah, Pasir Mas, Tumpat dan Kelantan Pay.



Kakitangan KPDN bersama wakil-wakil rakan strategik yang menggerakkan PeDI Sempadan di Kelantan.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/10/2024
M/SURAT: 30

# Produk tempatan tembusi pasaran antarabangsa

**CHIBA (Tokyo)** - Pengenalan inisiatif 'Local To Global Retails Produk Usahawan Tempatan' oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertujuan memperkasakan produk Malaysia di pasaran antarabangsa.

Ketua Setiausahanya, Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar berkata inisiatif itu sekali gus membantu produk tempatan menembusi rangkaian peruncitan pasar raya dan pasar raya besar yang mempunyai cawangan di luar negara.

Selain itu, pendekatan berkenaan juga digunakan dalam 'Program Malaysia Fair-Taste of Malaysia' yang diadakan di enam cawangan AEON Co (M) Bhd di sekitar Tokyo, Jepun.

"Pendekatan ini di bawah Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) iaitu kita gunakan platform peruncitan antarabangsa di bawah kawalan kementerian dan manfaatkan ia untuk membawa produk tempatan yang telah berada dalam pasaran Pasar raya AEON Co (M) Bhd.

"Berdasarkan pengalaman daripada berbagai-bagai pameran perdagangan untuk membawa produk ke pasaran luar negara yang pernah dibuat pelbagai kementerian, dari segi pemasaran itu sukar. Dengan bantuan penjual, khususnya AEON maka kita dapat kenal pasti jenis produk serta membantu usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menyediakan produk sesuai dengan keperluan pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Bernama* selepas melancarkan Program Pameran Malaysia - Citarasa Malaysia di AEON Makuhari New City pada Sabtu.

Mohd Sayuthi berkata melalui inisiatif itu pasaran produk PMKS lebih terjamin sekali gus diharap dapat meningkatkan hasil jualan.

"Selain produk, kita juga nak melihat potensi pasaran bagi produk baharu, tadi pun kita tengok mereka ini lebih gemarkan buah-buahan, jadi kita akan bersama dengan kementerian (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) untuk bincang apa jenis produk buah-buahan yang boleh dibawa bersama melalui platform Retail To Global ini.

"Untuk tahun ini sebanyak empat negara terlibat dengan pelaksanaan inisiatif berkenaan iaitu Emiriah Arab Bersatu, Jepun, Thailand dan China ... di Thailand nanti kita akan bekerjasama dengan Lotus," katanya.

Beliau berkata program Malaysia Fair-Taste of Malaysia turut mengetengahkan elemen halal bagi menggalakkan lebih ramai usahawan PMKS mendapatkan sijil halal untuk produk mereka.

"Kita tak nak produk itu hanya untuk pasaran Jepun semata-mata tetapi ia bersifat serampang dua mata, dalam masa sama pelancong ataupun penduduk yang bekerja di sini yang beragama Islam boleh beli barangan halal yang kita bawa.

"Kita tengok kesedaran orang Jepun mengenai halal ini sudah ada dan mereka mahu sediakan produk halal untuk penuhi keperluan mereka yang beragama Islam. Menjadi cabaran bagi kita terangkan kepada mereka bahawa halal itu bukanlah semata-mata untuk orang Islam tetapi menjadi pilihan terbaik yang boleh digunakan walaupun kepada bukan Islam," katanya.

Terdahulu, Naoya dalam ucapannya semasa perasmian program itu berkata program ini menjadi langkah penting dalam mengukuhkan lagi pertukaran dan kerjasama antara KPDN dan AEON Malaysia.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**Daily Express**
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/10/2024
M/SURAT: 3

# Public urged to make PMR a success

Hayati Dzulkiffli



KOTA KINABALU: The public are encouraged to patronise a three-day large scale government programme – "Program Madani Rakyat (PMR) 2024 Sayangi Sabah" – to be held at the compound of Likas Sports Complex on Oct 18-20, here.

Minister of Domestic Trade and Cost of Living, Datuk Armizan Mohd Ali (pic), said the "Sentuhan Rakyat" programme, is a continuation of similar events held in five different zones.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim extended the PMR as a carnival in six zones, this year, following encouraging public response.

"The event began in the Central Zone in Selangor, followed by the Northern Zone in Penang, the Eastern Zone in Pahang, the Southern Zone in Johor, the Sarawak Zone, and now in Sabah, completing the zonal cycle for 2024," he said.

He said the PMR aimed at offering direct government services to the people, to widely disseminate and promote new policies and initiatives introduced to the public, to increase public understanding and awareness of the government's direction and goals, and to build trust and confidence between the government and the people rough regular reporting of achievements.

The Ministry is the lead ministry of the PMR for the Sabah Zone which involved strategic collaboration with the State Government and several Federal agencies including the Performance Acceleration Coordination Unit (Pacu) of the Prime Minister's Department.

"We hope the people will take full advantage of this programme, which will be held for three days and come out in large numbers. The event will be open daily from 9am to 10pm.

"The highest turnout for the PMR so far was in Sarawak, which reached 300,000 visitors. We hope Sabah will surpass that.

"We also hope that if the Government decides to continue this program next year, we will bring it to other key districts to provide broader access to all communities," Armizan said.

The PMR offer a variety of exciting activities, including booths from Federal Ministries, departments and its agencies as well as the Sabah State Government, 'Touch Point' services for the people, exhibitions of government agency assets, a career carnival, engagement sessions, outdoor activities such as electronic sports competitions, and the "Sayangi Sabah" Concert.

"There are eight focus programs and leading agencies involved in the PMR 2024 Sayangi Sabah initiatives namely:

(1) People's Well-being – to be handled by Implementation Coordination Unit (ICU), Prime Minister's Department

(2) Unity Agenda – Ministry of National Unity (KPN)

(3) TVET and Career Carnival – TVET Council Secretariat (MTVET) and Ministry of Human Resources (Kesuma)

(4) State Government Services – Sabah State Government

(5) Cost of Living – KPDN

(6) Agriculture and Food Security – Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM)

(7) Healthcare Services – Ministry of Health Malaysia (KKM)

(8) Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM), Artificial Intelligence (AI) – Ministry of Science, Technology, and Innovation (MOSTI), Ministry of Education (MOE) and Higher Education Ministry (KPT).

In addition, Armizan said KPDN is providing a range of main activities, including the Program Jualan Rahmah Madani, a campaign of buying Malaysia products, and KPDN exhibition pavilions, among others.

"In addition to government agencies, there will also be exhibition spaces for private companies, including the sale of various local entrepreneur products, which will help promote their goods.

"We have also discussed with the State Government about providing shuttle bus services to bring visitors to the PMR event. The public is invited to join and make this event a success," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN

TARIKH: 14/10/2024

M/SURAT: 3

# PM Anwar dijangka rasmi Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah

## Program berlangsung tiga hari di pekarangan Kompleks Sukan Likas mulai 18 Oktober



TINJAU: Armizan (dua dari kanan) ketika meninjau tapak lokasi program.

**KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka merasmikan Program MADANI Rakyat (PMR) 2024 Sayangi Sabah di sini pada 19 Oktober ini.**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Ali berkata, program berkenaan akan berlangsung selama tiga hari di perkarangan Kompleks Sukan Likas mulai Jumaat depan.

"Objektifnya yang paling penting adalah untuk kita memberikan penerangan kepada rakyat tentang dasar, polisi, inisiatif dan juga program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan khususnya inisiatif-inisiatif baru yang dibawa oleh Kerajaan MADANI.

"Yang kedua paling penting juga adalah untuk kita menawarkan perkhidmatan agensi kerajaan khususnya secara langsung, secara bersemuka kepada masyarakat di seluruh negara termasuk di Sabah ini.

"Bagi Peringkat Zon Sabah ini, pelaksanaan program melibatkan kolaboratif strategik Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) selaku Kementerian Peneraju serta Kerajaan Negeri Sabah.

"Kita jemput semua masyarakat kita agar memanfaatkan program yang akan dianjurkan ini selama tiga hari untuk datang beramai-ramai pada setiap hari akan bermula jam 9 pagi hingga 10 malam," katanya ketika ditemui media semasa meninjau tapak lokasi program berkenaan di Pekarangan Kompleks Sukan Likas, pada Sabtu.

Armizan berkata, terdapat dua komponen perkhidmatan yang ditawarkan menerusi PMR bagi menggambarkan keberhasilan Kerajaan MADANI dalam memenuhi keperluan kebajikan rakyat iaitu Perkhidmatan Touch-point Rakyat dan Inisiatif Kesejahteraan Rakyat.

"Melalui pendekatan ini pelbagai perkhidmatan secara terus dan inisiatif-inisiatif yang dilancarkan oleh kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat menerusi perkhidmatan yang ditawarkan oleh kementerian, jabatan, agensi Persekutuan dan negeri.

"Selain daripada agensi-agensi kerajaan, kita juga membawa bersama industri, sektor swasta yang terlibat dalam menggerakkan agenda kerajaan.

"Ada juga kita libatkan institusi-institusi swasta untuk membuat pameran-pameran dan juga menawarkan perkhidmatan mereka dan begitu juga pastinya akan ada ruangan untuk para usahawan kita untuk membuat jualan sama ada makanan ataupun produk produk mereka," tambahnya.

Program berkenaan adalah susulan daripada program Setahun Kerajaan MADANI yang berlangsung pada 8 hingga 10 Disember tahun lepas di perkarangan kompleks Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur. — Penerangan

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN

TARIKH: 14/10/2024

M/SURAT: 24

# Belanjawan 2025 mungkin tumpu rasionalisi subsidi, kenaikan gaji

## Langkah bagi stabilkan inflasi, kurangkan kos sara hidup disertai bantuan tunai bersasar

Oleh Harwan Faisal Mohamad
harwanfaisal@mediaprima.com.my

**Belanjawan 2025** yang bakal dibentangkan Jumaat ini dijangka memberi tumpuan kepada rasionalisasi harga kawalan dengan kemungkinan pelaksanaan subsidi bersasar bagi diesel di Malaysia Timur, RON95, gula dan beras tempatan, demikian menurut CIMB Securities.

Firma penyelidikan pasaran itu berkata, langkah berkenaan bertujuan menstabilkan inflasi dan mengurangkan kos sara hidup, yang mana ia akan disertai dengan bantuan tunai bersasar kepada golongan rentan.

Menurut CIMB Securities, kenaikan gaji penjawat awam yang akan dilaksanakan pada Disember 2024 (Fasa 1) dijangka diikuti dengan peningkatan gaji minimum pada 2025.

Selain itu, katanya kerajaan juga mungkin memperkenalkan mekanisme levi pekerja asing pelbagai peringkat bagi mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing.

"Antara langkah meningkatkan hasil yang dijangkakan termasuk cukai minimum bergula, pelaksanaan Cukai Minimum Global sebanyak 15 peratus dan perluasan sistem e-Invois kepada semua perniagaan menjelang 1 Julai 2025," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Ia menambah, walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pegawai kerajaan menafikan spekulasi pengenalan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 2025, CIMB Securities menjangka pengumuman GST mungkin dibuat untuk pelaksanaan masa depan.




**Perbelanjaan operasi meningkat**

CIMB Securities mengunjurkan perbelanjaan operasi bagi 2025 meningkat sebanyak 3.1 peratus tahun ke tahun kepada RM316 bilion, berbanding RM306 bilion pada 2024.

Pada masa yang sama, perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka kekal pada RM90 bilion.

"Pendapatan kerajaan pula diunjurkan meningkat sebanyak 4.6 peratus kepada RM326 bilion, disokong oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kukuh, perluasan liputan e-Invois dan kutipan cukai pendapatan individu yang lebih tinggi berikutan peningkatan gaji minimum dan kadar pengangguran yang rendah.

"Rasionalisasi subsidi yang sedang berjalan turut membuka jalan untuk lebihan semasa yang lebih tinggi sebanyak RM11 bilion pada 2025, berbanding RM8 bilion pada 2024.

"Defisit fiskal pula dijangka menyusut kepada RM78 bilion atau 3.8 peratus daripada KDNK, berbanding RM83 bilion atau 4.3 peratus pada 2024," katanya.

Firma itu menambah, pertumbuhan ekonomi yang dijangka berada pada kadar 5.0 peratus, nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) yang lebih kuakh pada RM4.20, serta harga minyak mentah (AS$70 satu tong) pada 2025 memberikan sokongan kepada dasar fiskal negara.

CIMB Securities menggariskan impak fiskal positif dengan penjimatan subsidi bahan api yang dijangka mencecah RM8 bilion, lebih besar berbanding pengurangan hasil berkaitan minyak sebanyak RM2.5 bilion dan penurunan dividen PETRONAS sebanyak RM2 bilion.

"Ini menghasilkan penjimatan bersih sebanyak RM3.5 bilion. Selain itu, penjimatan tambahan sebanyak RM1.5 bilion dijangka daripada pelaksanaan subsidi diesel bersasar di Semenanjung Malaysia.

"Penjimatan ini dijangka mampu mengimbangi impak kenaikan gaji penjawat awam yang akan bermula pada Disember 2024.

"Belanjawan 2025 dilihat sebagai langkah yang berhati-hati dalam menguruskan cabaran ekonomi sambil mengekalkan komitmen fiskal negara," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

The Star

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/10/2024
M/SURAT: 2

# Concern over revenue sets in with GST off the table

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** With the Goods and Services Tax (GST) unlikely to make a comeback next year, various groups are concerned that the government will seek alternative revenue streams to manage its numerous financial commitments.

Business groups have expressed concerns that the government might soon announce the removal of the RON95 fuel subsidy or even introduce new taxes to increase revenue.

Lee Heng Guie, executive director of the Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia's (ACCCIM) Socio-Economic Research Centre, said there is a need for the government to "find ways to generate revenue".

"From what the Prime Minister said, GST is off the table for now. The Prime Minister is very concerned about the GST's impact on those with low incomes, given their average income level is still low," he said, adding that he believes the government might look at expanding the scope of the Sales and Service Tax (SST).

In the previous federal budget, the SST in some categories was increased from 6% to 8%, with additional items added to its scope.

Lee anticipates further expansion in the upcoming Budget 2025, adding that there is a chance it might include items currently exempt from the service tax.

He pointed out that when the GST was implemented, many essential goods were exempt or zero-rated, with additional cash support provided to those affected.

He also noted that most countries with GST have mechanisms to cushion its impact on lower-income households.

"Exemptions or zero-rating for basic goods consumed by low-income groups could alleviate this concern," said Lee.

MCA vice-president Datuk Lawrence Low said a move to seek alternative revenue sources would affect the public.

"If the government isn't ready to reintroduce GST next year, it will need to find other revenue sources, possibly by expanding the SST or implementing an inheritance tax, which would affect the public," he said.

Low, who chairs the MCA economic and SME affairs committee, believes that the government's decision not to implement GST next year could also have repercussions for the national economy, as foreign investors may remain cautious and hesitant to invest.

"Foreign investors hope for a clear and transparent tax system. They are also concerned about sudden tax cancellations or adjustments, which could disrupt their original plans for returns and profits," Low said.

He noted that the Prime Minister previously said civil servants will receive salary increments of between 7% and 15%, and that the minimum wage in Malaysia might be raised in Budget 2025.

"Where will this money come from? Will it be from the removal of RON95 fuel subsidies? We hope the government will present a comprehensive plan in Budget 2025," Low added.

Datuk Ng Yih Pyng, the new ACCCIM president, remarked that previous signs indicated the government might gradually remove subsidies, such as the RON95 fuel subsidy, or introduce new tax systems.

He said he hopes that before increasing national revenue sources, the government will consider the challenges businesses have faced in recent years.

"We hope the government will deliberate carefully and present a complete, concrete plan. Therefore, we look forward to the government's forthcoming annual budget announcement," he said.

SME Malaysia president Chin Chee Seong said SMEs (small and medium enterprises) would not be significantly affected without the implementation of the GST.

However, they are concerned about whether the government might remove the RON95 fuel subsidy to boost revenue.

"If they don't have the GST, they cannot increase their funds. They probably will increase some other taxes, which we are worried about.

"But we hope they won't reach that stage at the moment," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA

HARI: ISNIN

TARIKH: 14/10/2024

M/SURAT: 34

# Food producers unrattled by POSSIBLE SUBSIDY REMOVAL



Trend of subsidy outlays, 2000–2022




Table 1
Companies exposed to food subsidy removal

Table 2
Food items under price control

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 14 OKTOBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 14-Oct | UMS, UNIMAS dan KPDN kerjasama jalankan kajian penstabilan harga barangan | https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/11/ums-unimas-dan-kpdn-kerjasama-jalankan-kajian-penstabilan-harga-barangan | UTUSAN BORNEO |
| 14-Oct | KPDN tumpaskan geng seludup petrol | https://www.sinarharian.com.my/article/690384/berita/semasa/kpdn-tumpaskan-geng-seludup-petrol | SINAR HARIAN |
| 14-Oct | PPM rampas barangan kawalan lebih RM380,000 | https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/11/ppm-rampas-barangan-kawalan-lebih-rm380000 | UTUSAN BORNEO |
| 14-Oct | PPM rampas barangan kawalan lebih RM380,000 | https://beritasabah.com/ppm-rampas-barangan-kawalan-lebih-rm380000/ | BERITA SABAH |
| 14-Oct | Impak positif subsidi secara bersasar | https://www.sinarharian.com.my/article/690324/suara-sinar/analisis-sinar/impak-positif-subsidi-secara-bersasar | SINAR HARIAN |
| 14-Oct | GST 2.0 pilihan terbaik bantu capai sasaran defisit fiskal - Penganalisis | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/10/1309466/gst-20-pilihan-terbaik-bantu-capai-sasaran-defisit-fiskal | BERITA HARIAN |
| 14-Oct | KPDN PERAK RAMPAS 617 ALAT GANTI, 518 EKSESORI TELEFON BIMBIT TIRUAN | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2350369 | BERNAMA |
| 14-Oct | KPDN serbu premis alat ganti, aksesori telefon bimbit | https://www.sinarharian.com.my/article/690340/berita/semasa/kpdn-serbu-premis-alat-ganti-aksesori-telefon-bimbit#google_vignette | SINAR HARIAN |
| 14-Oct | Jual barang tiruan lebih 1,000 unit, alat ganti telefon bimbit disita | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jual-barang-tiruan-lebih-1-000-unit-alat-ganti-telefon-bimbit-disita | BERITA RTM |
| 14-Oct | KPDN seizes imitation mobile phone spare parts, accessories worth over RM26,000 | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-seizes-imitation-mobile-phone-spare-parts-accessories-worth-over-rm26000-OC13117678 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Oct | KPDN serbu premis jual, edar alat ganti, aksesori telefon bimbit jenama tiruan | https://mgperak.com/kpdn-serbu-premis-jual-edar-alat-ganti-aksesori-telefon-bimbit-jenama-tiruan/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 14-Oct | 193 unit bateri telefon tiruan dirampas | https://www.kosmo.com.my/2024/10/10/193-unit-bateri- | KOSMO |
| 14-Oct | Penang to monitor egg prices amid subsidy cut plan | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1118106/penang-monitor-egg-prices-amid-subsidy-cut-plan | NEW STRAITS TIMES |
| 14-Oct | Belanjawan 2025 mungkin tumpu rasionalisi subsidi, kenaikan gaji - CIMB Securities | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/10/1310208/belanjawan-2025-mungkin-tumpu-rasionalisi-subsidi- | BERITA HARIAN |
| 14-Oct | Penyasaran subdisi diesel: 'Kalau dia nak saman apa boleh buat? Kita hadapi saja' - Anthony Loke | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1310290/penyasaran-subdisi-diesel-kalau-dia-nak-saman-apa- | BERITA HARIAN |
| 14-Oct | Enhancing investor confidence | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/10/14/enhancing-investor- | THE STAR |
| 14-Oct | Kempen MY Gaya Month promosi produk fesyen buatan Malaysia | https://malaysiagazette.com/2024/10/13/kempen-my-gaya-month-promosi-produk-fesyen- | MALAYSIA GAZETTE |
| 14-Oct | KPDN To Promote Malaysian Prodiucts Abroad Through ‘Local To Global Retail’ Initiative | https://malaysiantribune.com/kpdn-to-promote-malaysian-prodiucts-abroad-through-local-to-global-retail- | MALAYSIAN TRIBUNE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Oct | Govt stands firm on diesel subsidy exemption for Sabah, Sarawak amid legal challenge, says Armizan | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/10/13/govt-stands-firm-on-diesel-subsidy-exemption-for-sabah-sarawak-amid-legal-challenge-says-armizan/153466 | MALAY MAIL |
| 14-Oct | Subsidi diesel: Armizan sahkan antara disaman bersama PM | https://www.dailyexpress.com.my/news/243739/subsidi-diesel-armizan-sahkan-antara-disaman-bersama-pm/ | DAILY EXPRESS |
| 14-Oct | Lawsuit over diesel subsidy exemption for Sabah, Sarawak | https://www.dailyexpress.com.my/news/243730/lawsuit-over-diesel-subsidy-exemption-for-sabah-sarawak/ | DAILY EXPRESS |
| 14-Oct | Melalap Rahmah Sales Oct 19 | https://www.dailyexpress.com.my/news/243786/melalap-rahmah-sales-oct-19/ | DAILY EXPRESS |
| 14-Oct | 400,000 expected to attend Madani programme in Kota Kinabalu | https://www.dailyexpress.com.my/news/243752/400-000-expected-to-attend-madani-programme-in-kota-kinabalu/ | DAILY EXPRESS |